

25 APR 2003

PENGAWAL PERIBADI PM SELAMAT DIKEBUMIKAN

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Allahyarham Kpl Yusof Ibrahim, 54, pengawal peribadi kepada Perdana Menteri yang meninggal dunia semalam, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam UPM, Serdang dekat sini hari ini.

Allahyarham meninggal dunia kira-kira 9.30 malam kerana penyakit asma, kata anak Allahyarham, Rosliza.

Menurut Rosliza, bapanya mengalami sesak nafas ketika berada di rumah mereka di Taman Seri Serdang dan meninggal dunia semasa dikejarkan ke Hospital Putrajaya.

Jenazah Allahyarham disembahyangkan di Masjid UPM sebelum pengkebumiannya di Tanah Perkuburan Islam UPM.

Allahyarham, yang meninggalkan seorang isteri Rusni Muhammad dan sembilan anak, ialah antara pengawal peribadi yang paling lama bertugas dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sejak beliau dilantik Timbalan Perdana Menteri pada 1976.

-- BERNAMA
MAM AHH ROS